

Pendekatan salah didik anak pintar

BIT 21/4/08 ms 9

Ibu bapautamakan kecemerlangan intelektual, nafi hak sosial kanak-kanak

Laporan Khas

Oleh Azrul Affandi Sobry

TEPATKAH tindakan meletakkan pelajar pintar di institusi pengajian tinggi (IPT) sebelum sampai masanya? Adakah itu pendekatan terbaik, kononnya untuk memberi peluang kepada pelajar terbabit mengembangkan kemahiran intelektual mereka ke satu tahap lebih tinggi.

Rasionalkah apa yang dilakukan kepada ramai pelajar pintar yang terpaksa mengorbankan zaman kanak-kanak mereka hanya untuk memenuhi kehendak ibu bapa yang mahu melihat anak mereka ditempatkan di menara gading dengan alasan apa yang ada di sekolah amat membosankan.

Persoalan itu perlu dijawab dengan penuh berhemah. Umpama ditelan mati emak, diluahkan mati bapa. Dilarang salah, disuruh pun salah. Banyak faktor yang boleh dijadikan sandaran untuk meniadakan senario di atas.

Merujuk kenyataan Pengerusi Persatuan IQ Tinggi Mensa Malaysia, Low Keng Lok dan Pengarah Pusat Perancangan Pendidikan Unesco, Prof Datuk Dr Ibrahim Ahmad Bajunid, nampak jelas tindakan meletakkan anak pintar di universiti adalah

FAKTA

Geniuskah mereka?

1991

■ Pelajar pintar berumur 13 tahun, Loh Chang Shiong, dipercayai pelajar termuda menerima tawaran melanjutkan pelajaran ke Universiti Nasional Singapura (NUS) pada sesi 1991/1992.

■ Ahmad Farouk Mohammed diiktiraf oleh Persatuan Mensa British mempunyai tahap kecerdikan atau IQ setinggi 178, lulus peperiksaan A Level dengan mencatat 5A dan ditawarkan belajar di Universiti Cambridge.

1997

■ Pelajar pintar, Lim Huat Chye, diterima mengikuti pengajian peringkat ijazah Sains Komputer di Universiti Stamford, California mempelajari komputer sejak berusia tiga tahun muncul sebagai penuntut termuda pusat pengajian tinggi berprestij itu.

■ Koh Ming Kwang rakyat Malaysia pertama yang mempunyai keupayaan menghafal luar biasa dan memenangi tempat kelima dalam Kejohanan Menghafal Sedunia di London.

■ Pelajar pintar matematik, Sufiah Farooq, menarik perhatian dunia pendidikan apabila menjadi pelajar kedua termuda diterima melanjutkan pelajaran ke Universiti Oxford ketika berusia 13 tahun.

1999

1992

■ Mohamed Kalimullah Khan digelar genius komputer kerana kemampuan menguasai komputer sejak sebelum memasuki alam persekolahan.

1995

■ Selena Ng dfkesan boleh membaca akhbar sejak berusia dua tahun dan mendahului Senarai Dekan dalam Fakulti Sains apabila dia menggabungkan mata pelajaran Matematik, Kimia, Sains Komputer di Universiti Monash, Melbourne.



syarakat perlu dibuka mata supaya tidak cepat berasa teruja apabila ada pelajar pintar dikenal pasti sehingga dengan mudah melabelkan mereka sebagai genius, menyamakan individu itu dengan beberapa nama terulung dalam pencapaian tertentu di dunia ini.

Bukan sekali dua masyarakat dikejutkan dengan kemunculan beberapa pelajar pintar yang digelar genius lantaran pencapaian cemerlang dan luar biasa mereka dalam sesuatu bidang. Gelaran itu diberikan dengan sangat mudah tanpa mengambil kira kedudukan gelaran itu di mata dunia.

Mungkin ramai tidak sedar bahawa perkataan genius yang bermain di bibir mereka sejak sekian lama pada hakikatnya masih belum layak dipakaikan kepada sesiapa pun individu pintar di negara ini kerana mereka tidak menepati kriteria sebenar.

Pasti ramai akan melenting apabila kenyataan ini didedahkan dan ia menyentuh pula sensitiviti kebanyakan pihak yang selama ini berbangga dan mendabik dada dengan status genius diberikan kepada mereka oleh institusi masyarakat secara suka-suka.

Namun, jika Mensa, satu-satunya persatuan yang diiktiraf pertubuhan antarabangsa yang berperanan memberi pengiktirafan kepada individu yang mempunyai kecerdasan tinggi, mengakui kenyataan itu, adakah ia boleh disangkal lagi.

Tidak cukup dengan itu, Ibrahim yang

bajunid, nampak jelas tindakan meletakkan anak pintar di universiti adalah satu pendekatan yang salah.

Tidak wajar ibu bapa mementingkan diri sendiri untuk menikmati populariti dengan memperjuangkan hak anak belajar di IPT, sedangkan dalam banyak aspek anak itu masih mentah dan tidak bersedia diheret ke dunia orang dewasa yang sangat asing bagi mereka.

Lupakah ibu bapa bahawa ketika mereka kanak-kanak, bermain sorok-sorok, guli serta pelbagai permainan kanak-kanak adalah keperluan yang mesti dipenuhi setiap hari dan semua itu hanya dapat dinikmati jika bergaul dengan rakan seusia.

Namun, apabila kanak-kanak pintar ini ditempatkan di universiti, bergaul dengan orang dewasa, dapatkah mereka merasai nikmat itu lagi? Adakah keperluan jasmani dan emosi mereka dapat dipenuhi sekiranya apa yang ada dalam kamus hidup mereka hanya perkembangan intelektual.

Pastinya, inilah yang menimbulkan konflik kepada golongan pelajar pintar – menjadi mangsa tekanan keluarga yang seakan merompak alam kanak-kanak daripada kehidupan mereka. Justeru, tidak mustahil konflik ini akan menimbulkan pemberontakan secara senyap pada kemudian hari.

Justeru, tidak salah rasanya jika Ibrahim menyifatkan apa yang berlaku kepada pelajar pintar matematik, Sufiah Yusof ada

1999

- Pelajar pintar, Zenaida Sofia Salih Lowe dianugerahkan biasiswa berjumlah kira-kira RM480,000 untuk membiayai empat tahun pengajiannya di Kolej Dartmouth, New Hampshire, Amerika Syarikat dalam bidang fizik dan sains komputer.

- Burhanuddin Al-Helmy Baki, pelajar pintar matematik yang memenangi Anugerah Khas Saintis Muda Perak.



kaitannya dengan pendekatan salah yang digunakan keluarga dalam merancang kaedah pendidikan kepadanya.

Sufiah yang sejak awal dinafikan hak merasai nikmat kanak-kanak, menjadi mangsa kesilapan keluarga sendiri dan senario itu tidak dinafikan boleh berlaku kepada beberapa nama lain lagi jika tidak ditangani segera.

Contohnya, wajarkah kanak-kanak pintar, Adi Putra, 8, dihantar belajar ke universiti ketika usianya yang masih mentah? Benar, dia memiliki kepintaran luar biasa tetapi adakah dia sudah dewasa. Lupakah semua pihak yang dia tetap kanak-kanak.

2005

- Adi Putra Abdul Ghani baru berusia enam tahun dan tidak pernah mengikuti pendidikan formal, tetapi kanak-kanak itu menunjukkan kepintaran luar biasa dalam ujian kepintaran minda dengan mengalahkan 19 guru serta 230 murid tahun satu hingga enam.



Semua pihak perlu bersetuju dengan kenyataan Low apabila menyifatkan pelajar pintar hanya hebat dari segi intelek tetapi mereka tetap orang biasa yang masih mahu berhibur, bermain bersama rakan seusia dan sama sekali tidak boleh dilayan seperti orang luar biasa.

Justeru, tidak ada jalan lain kecuali mewajibkan semua pelajar pintar mesti meneruskan persekolahan seperti murid lain tetapi Kementerian Pelajaran pula mestilah menyediakan pendekatan terbaik bagi memenuhi perkembangan minda mereka supaya tidak disia-siakan.

Berbalik kepada satu isu lain pula, ma-

tidak cukup dengan itu, Ibrahim yang sangat berpengaruh dan mendapat kepercayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk memimpin satu bahagian di Unesco juga mempunyai pendirian yang sama, rasanya tiada guna lagi kenyataan itu dinafikan.

Kesimpulannya, dua isu itu mempunyai hubung kait yang sangat rapat. Tiada guna kita terus memperjuangkan istilah genius dan melabelkan seseorang secara membuta tuli. Apa yang lebih utama ialah mencari jalan penyelesaian membantu pelajar pintar untuk meningkatkan kemampuan intelek mereka di sekolah, tanpa perlu disumbat ke universiti.

Apa yang lebih utama, jika pelajar di negara ini menerima pendidikan seimbang merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual, mungkin suatu hari nanti kita mampu melahirkan individu yang benar-benar layak digelar genius seperti Albert Einstein kerana untuk menjadi seorang seumpamanya, minda dan emosi seseorang mesti kuat.

Jangan pula nanti, lantaran terlalu sibuk menyuntik keupayaan intelektual, senario seumpama Sufiah akan berulang lagi. Cukuplah seorang pelajar pintar yang tersasar daripada landasannya akibat pendekatan yang mungkin kurang tepat. Belajar daripada kesilapan, jangan pisang berbuah untuk kali kedua.